# TOLERANSI RISIKO KEWANGAN DALAM PENGURUSAN KEWANGAN PEKERJA SEKTOR AWAM

Nur Atika Atan, Husniyah Abdul Rahim,
Elistina Abu Bakar, Zuroni Md Jusoh, Askiah Jamaluddin.
Pusat Kecemerlangan Kajian Penggunaan Lestari
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

## Pengenalan

Membelanjakan wang yang ada mungkin lebih mudah daripada mendapatkan dan menguruskannya. Sepertimana sumber yang lain, wang juga bersifat terhad dan perlu diurus dengan baik untuk memastikan ia sentiasa cukup bagi memenuhi sebarang keperluan individu. Oleh itu penggunaannya perlu dirancang, diatur dan dikawal mengikut keperluan dan matlamat yang ingin dipenuhi dan dicapai (Fazli dan Jariah, 2005). Seiring dengan perkembangan kewangan global, kini pasaran kewangan dan perbankan tempatan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan pengguna. Pilihan yang pelbagai bagi produk pinjaman peribadi, kad kredit, pinjaman perumahan, insurans termasuklah skim-skim pelaburan memudahkan akses pengguna terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang mereka inginkan. Namun begitu, kewujudan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan adakalanya menimbulkan kekeliruan pihak pengguna dalam membuat keputusan berhubung dengan kewangan mereka, terutamanya dalam menentukan antara keperluan dan kehendak. Data kebankrapan individu menggambarkan keadaan ini, iaitu sehingga Mei 2010, terdapat kira-kira 217,577 individu diisytiharkan bankrap (Bank Negara Malaysia, 2010a).

Memenuhi keperluan dan kehendak oleh pengguna bukanlah satu kesalahan dalam keadaan sumber kewangan mencukupi dan diuruskan dengan baik. Namun begitu, ramai pengguna produk dan perkhidmatan kewangan, terutamanya pengguna kredit berhadapan dengan masalah kewangan kerana kegagalan mereka untuk mengawal perbelanjaan. Kebanyakan pengguna gemar berbelanja melebihi kemampuan dan akibatnya mereka berhutang untuk memenuhi keperluan hidup. Masalah kewangan lazimnya timbul dalam kalangan mereka yang tidak berupaya mengawal urusan kewangan mereka dan apabila wujudnya keinginan yang sering mempengaruhi keputusan dalam perbelanjaan (Hallman dan Rosenbloom, 1993). Menyedari akan hakikat

tersebut adalah amat penting bagi seseorang individu melengkapkan diri dengan pengetahuan pengurusan kewangan yang baik dan membentuk disiplin yang kuat dalam pengurusan kewangan mereka untuk berhadapan dengan keadaan kewangan global yang semakin tidak menentu.

Senario kehidupan manusia yang sering terdedah dengan pelbagai risiko dan kemungkinan-kemungkinan yang tidak dijangkakan yang melibatkan kerugian kewangan, seperti ketidaktentuan risiko ekonomi dalam kehidupan seharian contohnya kehilangan pekerjaan, penyakit, bankrap, kegagalan pinjaman, kemiskinan dan kepapaan pada hari tua (Goldsmith, 2009) menyebabkan pengurusan kewangan individu perlu melibatkan aspek pengurusan risiko. Sejauh mana individu mampu berhadapan dengan ketidaktentuan tersebut merupakan pengukuran bagi toleransi risiko kewangan mereka. Hal ini kerana pertimbangan yang mendalam berhubung dengan risiko yang bakal dihadapi oleh pengguna sebelum membuat sesuatu keputusan yang melibatkan aktiviti kewangan dapat membantu memastikan sumber kewangan pengguna sentiasa konsisten walau dalam apa juga keadaan sekalipun. Sumber kewangan yang terhad memerlukan pengurusan kewangan yang baik dan pertimbangan berhubung dengan risiko yang pelbagai bagi memastikan sumber yang ada tidak dibazirkan, sekaligus meminimumkan kesan risiko terhadap kehilangan kewangan individu pada masa hadapan.

## Permasalahan kajian

Sejak kebelakangan ini, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna kredit lebih banyak mengalami masalah dalam menguruskan kewangan mereka. Statistik dari tahun 2005 sehingga bulai Mei 2010 menunjukkan jumlah keseluruhan individu yang diisytiharkan bankrap adalah sebanyak 217,577 orang (Bank Negara Malaysia, 2010a). Daripada jumlah ini sebanyak 3,670 kes direkodkan pada 2009 dan meningkat ke 843 kes pada 2010. Menurut statistik bulanan pula sehingga November (Bank Negara Malaysia, 2010b), hutang isi rumah Malaysia telah dicatatkan berjumlah RM577 bilion yang merangkumi bebanan pinjaman kereta (RM118 bilion), pinjaman perumahan (RM225 bilion) dan pinjaman peribadi (RM22 bilion) selain anggaran hutang kad kredit (RM200 bilion). Keseluruhan angka ini telah mencecah sebanyak 74% melebihi peningkatan KDNK negara pada tahun 2010.

Peningkatan ke atas jumlah pengguna kredit yang gagal untuk membayar pinjaman mereka hingga mengakibatkan pengisytiharan bankrap atau muflis dilihat sebagai satu masalah yang serius. Walaupun pada umumnya pendapatan isi rumah di Malaysia menunjukkan peningkatan sebanyak enam peratus setahun (Unit Perancang Ekonomi, 2010), namun jumlah individu

yang berhadapan dengan krisis kewangan seperti bankrap, hutang tidak berbayar (*NPL*), dan masalah hutang kad kredit juga turut menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kalangan pengguna kredit. Keadaan ini mungkin disebabkan pengurusan kewangan yang tidak cekap dalam kalangan pengguna kredit sendiri. Walaupun terdapat peningkatan yang tinggi dalam pendapatan isi rumah, namun masalah yang melibatkan kewangan individu turut sama mengalami peningkatan dan statistik yang dinyatakan membuktikan bahawa terdapatnya salah urus dalam pengurusan kewangan individu.

Dalam kebanyakan hal, pengguna melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti kewangan yang berisiko tanpa mengambil kira sama ada dia mampu menerima risiko yang bakal berlaku. Risiko kehilangan kewangan adakalanya tidak dapat ditangani oleh individu dengan baik, ekoran itu ia memberi kesan bukan sahaja terhadap keadaan kewangan mereka, malah terhadap kesejahteraan hidup mereka. Sewajarnya, pengguna mengenal pasti tahap toleransi mereka terhadap risiko yang bakal berlaku supaya kesejahteraan hidup mereka tidak terjejas walaupun mereka mungkin berada dalam keadaan kewangan yang kurang baik. Menurut Grable (2000), toleransi risiko kewangan didefinisikan sebagai jumlah maksimum ketidakpastian kerugian yang sedia diterima oleh individu semasa membuat keputusan kewangan dan ia meliputi keseluruhan aspek kehidupan termasuk ekonomi dan sosial. Oleh itu, toleransi risiko kewangan dalam kalangan individu perlu dikenal pasti untuk memastikan sejauh mana individu atau pengguna produk kewangan boleh bertoleransi dengan risiko yang wujud.

Secara khususnya, objektif kajian adalah seperti yang berikut:

(i) Mengenalpasti toleransi risiko kewangan dan aktiviti pengurusan kewangan yang sering dilakukan oleh individu.
(ii) Membandingkan tahap toleransi risiko kewangan dengan tahap bagi dimensi aktiviti pengurusan kewangan individu.
(iii) Menentukan perkaitan antara tahap toleransi risiko kewangan dengan tahap aktiviti pelaburan berisiko tinggi individu.

## Sorotan kajian lepas

Toleransi risiko merupakan faktor penting yang mempengaruhi pelbagai keputusan yang melibatkan keputusan kewangan individu (Snelbecker, Roszkowski, dan Cutler, 1990) dan merupakan faktor utama yang mendasari model perancangan kewangan, analisis pelaburan dan pembuatan keputusan pengguna. Sebagai contoh, pertimbangan yang melibatkan pembuatan

keputusan berhubung dengan pinjaman dan simpanan, pemilihan jenis pinjaman perumahan dan penggunaan serta pengurusan kredit pengguna adalah antara situasi yang memerlukan individu mengambil kira pengurusan risiko kewangan yang akan mempengaruhi tingkah laku kewangan mereka (Campbell, 2006).

Selain itu, kajian berhubung dengan toleransi risiko kewangan juga banyak memfokuskan ciri sosio ekonomi sebagai penentu bagi toleransi risiko kewangan di samping kajian yang dikaitkan dengan keputusan individu dalam pelaburan kewangan (Cordell, 2001; Grøn dan Winston, 2001; Hariharan, Chapman, dan Domian, 2000; Jianakoplos dan Barnesek, 1998; Roszkowski, 1996). Namun, terdapat juga beberapa kajian tentang pengaruh toleransi risiko kewangan terhadap tingkah laku tabungan persaraan atau tingkah laku kewangan pada umumnya dan terhadap kesejahteraan kewangan (Grable, 2000; Hariharan *et al*., 2000; Joo dan Grable, 1999).

Joo dan Grable (2004) berpendapat bahawa individu yang mempunyai toleransi risiko kewangan yang tinggi lebih cenderung untuk mempunyai tingkah laku kewangan yang lebih baik. Tingkah laku kewangan yang baik merupakan satu sistem pengurusan kewangan yang sistematik, seperti membuat simpanan secara konsisten, menulis perancangan dan matlamat kewangan yang hendak dicapai (Titus, Fanslow, dan Hira, 1989).

Seterusnya, Hogarth dan Anguelov (2004) pula mendapati bahawa dimensi pengurusan kewangan seperti pemilikan akaun, tingkah laku perbelanjaan dan simpanan, dan tingkah laku kredit mempunyai perkaitan dengan toleransi risiko. Keputusan yang serupa diamati dalam kajian lain yang berkaitan dengan tingkah laku tabungan. Penemuan menunjukkan bahawa toleransi risiko kewangan dalam kalangan pekerja muda mempunyai hubungan positif dengan profil tabungan (Jacobs-Lawson dan Hershey, 2005).

Dana persaraan bagi individu yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi adalah lebih besar berbanding dengan mereka yang mempunyai toleransi risiko yang rendah (Yuh dan DeVaney, 1996). Hal ini menyarankan bahawa keadaan kewangan golongan bertoleransi risiko tinggi ini adalah lebih stabil. Hasil ini adalah konsisten dengan hasil kajian oleh Grable dan Joo (1999) yang mendapati bahawa toleransi risiko adalah signifikan dan positif dalam meramal pelaburan persaraan dan tabungan.

Berhubung dengan perkaitan antara toleransi risiko kewangan dengan pelaburan dalam saham berisiko tinggi, hasil kajian mendapati bahawa mereka yang bertoleransi tinggi terhadap risiko cenderung untuk melabur dalam saham berisiko tinggi berbanding dengan mereka yang bertoleransi rendah. Oleh itu, golongan ini berkemungkinan mempunyai kedudukan

kewangan yang lebih stabil semasa persaraan (Hariharan *et al*., 2000). Hasil kajian lepas mendapati bahawa bagi isi rumah di Australia, kecenderungan menerima risiko adalah penting dalam pemilihan portfolio pelaburan yang berisiko tinggi (Cardak dan Wilkins, 2008).

Oleh itu, toleransi risiko kewangan secara keseluruhannya merujuk kepada kajian lepas adalah berhubung secara positif dengan penglibatan pelaburan berisiko tinggi. Hanna dan Chen (1997) pula, yang mengkaji mengenai hubung kait antara toleransi risiko, ufuk perancangan dan kekayaan sebaliknya menyimpulkan bahawa pelabur dengan toleransi risiko yang rendah berkecenderungan untuk mempunyai portfolio saham yang berisiko tinggi bagi mereka yang mempunyai perancangan pelaburan jangka panjang.

## Metodologi kajian

Sampel kajian terdiri daripada 449 pekerja dalam sektor awam di Semenanjung Malaysia. Kajian hanya melibatkan pekerja sektor awam ekoran limitasi masa dan kos. Unit analisis merangkumi semua individu dalam sektor tersebut. Pemilihan negeri yang terlibat dengan kajian ini dilakukan secara rawak mudah melalui cabutan undian mengikut zon iaitu Zon Selatan, Zon Utara, Zon Timur dan Zon Barat di mana negeri-negeri yang terpilih ialah Selangor, Pahang, Melaka dan Kedah. Bagi setiap negeri, empat jabatan yang terletak di kawasan bandar dipilih secara rawak daripada senarai jabatan berasaskan direktori telefon. Seterusnya, persetujuan dari jabatan yang terpilih diperoleh terlebih dahulu sebelum borang soal selidik dihantar untuk dijawab sendiri oleh responden. Borang soal selidik antaranya mengandungi maklumat latar belakang, aktiviti pengurusan kewangan dan toleransi risiko kewangan.

Pengukuran toleransi risiko kewangan responden dibuat melalui enam soalan skala Likert iaitu "1 = Sangat Tidak Setuju" (STS) sehingga "5 = Sangat Setuju" (SS). Bagi aktiviti pengurusan kewangan, ia diukur melalui 14 pernyataan berkaitan aktiviti aliran tunai, kredit, simpanan dan pelaburan menggunakan skala kekerapan, iaitu "1 = Tidak Pernah", "2 = Sangat Tidak Kerap" sehingga "5 = Sangat Kerap". Analisis deskriptif dijalankan bagi menerangkan latar belakang responden dan untuk menentukan purata skor toleransi risiko kewangan serta dimensi aktiviti pengurusan kewangan. Toleransi risiko dan aktiviti pengurusan kewangan dibandingkan dengan menggunakan taburan silang, begitu juga dengan perkaitan antara toleransi risiko kewangan dengan pelaburan dalam saham berisiko tinggi.

## Hasil kajian dan perbincangan

## Latar belakang responden

Profil responden sebanyak 449 kakitangan sektor awam dalam Jadual 1 menunjukkan sebahagian besar dari mereka berbangsa Melayu dengan lebih daripada separuh terdiri daripada kalangan perempuan. Purata umur responden yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam lingkungan umur 36 tahun manakala purata tempoh bekerja ialah 13 tahun. Bagi status perkahwinan pula, majoriti responden berkahwin dan hanya suku responden masih bujang manakala selebihnya merupakan ibu bapa tunggal yang disebabkan oleh faktor perceraian atau kematian pasangan.

Dalam hal pendidikan yang diperoleh, hampir tiga perempat responden mempunyai pendidikan peringkat sijil manakala selebihnya mempunyai tahap pendidikan tertinggi sehingga Diploma/Ijazah/Sarjana. Lebih separuh daripada responden mempunyai pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 sebulan. Bagi skim persaraan pilihan, hanya sebahagian kecil responden memilih skim KWSP dan selebihnya memilih skim pencen.

**Jadual 1: Latar Belakang Responden**

| Angkubah | Frekuensi (N = 449) | Peratus (%) |
|---|---|---|
| **Jantina** | | |
| Lelaki | 204 | 45.4 |
| Perempuan | 245 | 54.6 |
| **Bangsa** | | |
| Melayu | 399 | 88.9 |
| Cina/India/Bumiputera Sabah & Sarawak | 50 | 11.1 |
| **Taraf Perkahwinan** | | |
| Bujang | 117 | 26.1 |
| Berkahwin | 319 | 71.0 |
| Berpisah hidup/mati | 13 | 2.9 |
| **Tahap Pendidikan** | | |
| Bukan lepasan universiti | 330 | 73.5 |
| Lepasan universiti | 119 | 26.5 |
| **Pendapatan Isi Rumah Bulanan** | | |
| ≤ RM 2,500 | 281 | 62.6 |
| RM 2,501 – RM 5,000 | 134 | 29.8 |
| > RM 5,000 | 34 | 7.6 |
| **Skim Persaraan Pilihan** | | |
| Pencen | 407 | 90.6 |
| KWSP | 42 | 9.4 |

Selain itu, analisis terhadap peratusan bayaran pinjaman bulanan berbanding dengan pendapatan menunjukkan 30.4% responden mempunyai jumlah pembayaran hutang bulanan yang melebihi nisbah yang telah ditetapkan dan lebih separuh daripada mereka pernah mengalami masalah kewangan. Bayaran pinjaman bulanan ini meliputi semua jenis pinjaman atau kredit pengguna seperti kad kredit, sewa beli, pinjaman persendirian, pinjaman pendidikan termasuk juga pinjaman perumahan. Nisbah pembayaran hutang bulanan dengan pendapatan bulanan yang dicadangkan adalah tidak melebihi 40% sekiranya melibatkan juga pembayaran pinjaman perumahan (DeVaney, 1994). Hal ini menunjukkan golongan responden ini menanggung beban hutang yang agak tinggi.

## Toleransi risiko kewangan

Bahagian ini membincangkan skor purata toleransi risiko kewangan dan tahap toleransi risiko kewangan dalam kalangan responden sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2 dan Jadual 3. Skor yang tinggi merujuk kepada toleransi risiko yang rendah dan sebaliknya untuk skor yang rendah merujuk kepada toleransi risiko yang tinggi. Secara keseluruhannya, nilai skor purata bagi semua pernyataan toleransi risiko kewangan adalah tinggi, iaitu melebihi nilai 3.0 dan ini bermakna responden umumnya responden mempunyai toleransi risiko yang agak rendah.

Nilai skor purata tertinggi melibatkan pernyataan "simpanan di bank berbanding dengan di pasaran saham" yang mencatatkan nilai purata skor sebanyak 4.13 daripada skor tertinggi iaitu 5, manakala nilai skor purata terendah ialah 3.14 iaitu bagi pernyataan tentang "penghasilan wang dalam stok dan bon yang berdasarkan nasib". Hal ini menunjukkan secara umumnya, responden lebih suka untuk menyimpan di bank berbanding dengan melabur dalam pasaran saham, begitu juga kurang menganggap bahawa pulangan saham adalah bergantung pada nasib, sebaliknya memerlukan kemahiran tertentu untuk melabur.

Pernyataan toleransi risiko kewangan yang lain merangkumi "keselamatan pelaburan lebih penting daripada pulangan", "istilah risiko berkait rapat dengan kerugian", "kekurangan pengetahuan untuk menjadi pelabur yang berjaya" dan "pelaburan adalah sangat sukar difahami" juga berada dalam nilai skor yang melebihi nilai purata 3.0, iaitu toleransi risiko yang rendah. Hal ini menunjukkan bahawa responden lebih cenderung untuk memastikan keselamatan pelaburan berbanding dengan pulangan yang tinggi, menganggap risiko dan kerugian berkait rapat, menyatakan perlu untuk berpengetahuan tinggi berhubung dengan pelaburan dan bersetuju bahawa pelaburan adalah sangat sukar difahami.

**Jadual 2: Toleransi Risiko Kewangan**

| Toleransi Risiko Kewangan | Skor Purata |
|---|---|
| 1. Dalam pelaburan, keselamatan adalah lebih penting daripada pulangan. | 3.84 |
| 2. Lebih selesa meletakkan wang dalam akaun bank berbanding dengan pasaran saham. | 4.13 |
| 3. Istilah risiko berkait rapat dengan kerugian. | 3.88 |
| 4. Menghasilkan wang dalam stok dan bon adalah berdasarkan nasib. | 3.14 |
| 5. Saya kurang pengetahuan untuk menjadi pelabur yang berjaya. | 3.63 |
| 6. Melabur adalah sangat sukar untuk difahami. | 3.39 |

* Skor tinggi merupakan toleransi risiko kewangan yang rendah

Bagi tahap toleransi risiko kewangan dalam kalangan responden (Jadual 3), didapati separuh daripada responden mempunyai tahap toleransi risiko kewangan yang sederhana manakala hanya 5.6% responden mempunyai tahap toleransi risiko kewangan yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa terlalu sedikit responden yang mempunyai persediaan mental yang baik dalam menghadapi risiko kewangan yang bakal berlaku.

**Jadual 3: Tahap Toleransi Risiko Kewangan**

| Tahap Toleransi Risiko Kewangan | n (%) |
|---|---|
| Rendah (skor tinggi) | 119 (44.3) |
| Sederhana (skor sederhana) | 225 (50.1) |
| Tinggi (skor rendah) | 25 (5.6) |

## Pengurusan kewangan

Seterusnya bahagian ini membincangkan skor purata bagi aktiviti pengurusan kewangan yang dilakukan oleh responden sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Terdapat 14 soalan yang berkaitan dengan aktiviti pengurusan kewangan yang dibahagikan mengikut empat dimensi iaitu dimensi aliran tunai, dimensi kredit, dimensi simpanan dan dimensi pelaburan. Skor purata aktiviti pengurusan kewangan adalah antara 1.38 hingga 3.85 daripada skor tertinggi, iaitu 5. Skor yang lebih tinggi menunjukkan penglibatan yang lebih tinggi bagi responden dalam aktiviti berkenaan.

Aktiviti pengurusan kewangan yang mendapat skor purata melebihi 3.0 iaitu melebihi skor purata bagi skala ini ialah aktiviti pengurusan kewangan yang berkait dengan pembayaran bil, aktiviti-aktiviti pengurusan kewangan yang terdapat dalam dimensi kredit seperti perancangan pengambilan kredit, senarai hutang, menyimpan rekod pembayaran hutang dan aktiviti pengurusan kewangan yang melibatkan dimensi simpanan pengguna. Oleh itu, aktiviti-aktiviti pengurusan kewangan ini adalah antara yang lebih kerap dilakukan oleh responden.

**Jadual 4: Aktiviti Pengurusan Kewangan Mengikut Dimensi**

| Aktiviti Pengurusan Kewangan | Skor Purata |
|---|---|
| ***Dimensi Aliran Tunai*** | |
| 1. Membayar semua bil tepat pada masanya. | 3.85 |
| 2. Mempunyai sistem simpanan rekod kewangan yang lengkap. | 2.81 |
| 3. Membuat rancangan perbelanjaan bertulis bagi semua barang. | 2.89 |
| ***Dimensi Kredit*** | |
| 4. Merancang sebelum mengambil apa-apa jenis kredit/pinjaman. | 3.61 |
| 5. Mempunyai satu senarai hutang. | 3.16 |
| 6. Menyimpan rekod pembayaran hutang. | 3.41 |
| 7. Pembayaran kredit/pinjaman dibuat mengikut jadual pembayaran. | 3.78 |
| 8. Cuba untuk melangsaikan pinjaman. | 3.59 |
| ***Dimensi Simpanan*** | |
| 9. Menyimpan untuk matlamat jangka pendek seperti membeli perabut, kenderaan. | 3.17 |
| 10. Menyimpan untuk tabung kecemasan. | 3.59 |
| 11. Menyimpan untuk matlamat jangka panjang (cth: pendidikan anak-anak, rumah, tanah, mengerjakan haji, melancong). | 3.75 |
| ***Dimensi Pelaburan*** | |
| 12. Melabur dalam berbagai jenis pelaburan. | 2.14 |
| 13. Melabur dalam saham berisiko rendah (cth: saham amanah, bon). | 2.50 |
| 14. Melabur dalam saham berisiko tinggi (cth: ekuiti/syarikat). | 1.38 |

Amalan pengurusan kredit yang baik ini diharap dapat mengelakkan mereka daripada mengalami masalah kewangan, namun hasil kajian di bahagian awal menunjukkan terdapat lebih separuh responden pernah mengalami masalah kewangan. Namun, masalah kewangan ini mungkin yang telah berlaku pada masa lepas dan dengan itu responden lebih berhati-hati dengan pengurusan kredit pada masa sekarang. Jika dilihat peratus pembayaran hutang bulanan, seperti yang ditunjukkan di bahagian latar belakang responden, didapati tidak

ramai iaitu hanya sekitar seperempat responden melebihi nisbah pembayaran hutang berbanding dengan pendapatan bulanan sebanyak 40%.

Aktiviti yang memperoleh purata skor kurang daripada 3.0 pula terdiri daripada aktiviti-aktiviti kewangan yang berkaitan dengan aktiviti pengurusan aliran tunai, seperti simpanan rekod dan rancangan perbelanjaan serta aktiviti-aktiviti pelaburan sam ada melabur dalam saham berisiko rendah mahupun saham berisiko tinggi. Oleh itu, hasil analisis ini menunjukkan mereka tidak cenderung menguruskan aliran tunai mereka dengan baik, yakni kurang membuat simpanan rekod mahupun merancang perbelanjaan. Ketidakcenderungan mereka untuk melabur walaupun dalam pelaburan berisiko rendah adalah selari dengan tahap toleransi risiko kewangan mereka yang didapati rendah.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa responden amat mengambil berat terhadap aktiviti pengurusan kewangan yang berkaitan dengan aktiviti pengurusan kredit dan tabungan, kurang menyimpan rekod kewangan, kurang merancang perbelanjaan dan cuba untuk mengelak daripada terbabit dengan aktiviti kewangan yang berisiko seperti pelaburan dalam syarikat atau ekuiti.

## Toleransi risiko kewangan dan pengurusan kewangan

Bagi membandingkan toleransi risiko kewangan dan pengurusan kewangan dalam kalangan responden, taburan silang dilakukan bagi tahap kedua-duanya (Jadual 5). Hasil analisis mendapati bahawa toleransi risiko kewangan responden saling berkaitan dengan aktiviti pengurusan kredit secara berkadar songsang. Apabila tahap toleransi risiko kewangan adalah tinggi maka tahap aktiviti pengurusan kredit yang dijalankan adalah semakin rendah, iaitu wujudnya peningkatan dalam peratusan responden dari 8.0% pada tahap tinggi ke 11.1% pada tahap sederhana dan seterusnya menjadi 24.0% pada tahap rendah bagi pengurusan kredit. Hal ini bermakna lebih ramai responden cenderung tidak menguruskan kredit dengan baik sekiranya mereka sangat bertoleransi terhadap risiko. Golongan ini suka mengambil risiko, dengan itu kurang berhati-hati dalam pengurusan kewangan khususnya pengurusan kredit mereka.

Namun, apabila tahap toleransi risiko kewangan adalah rendah maka tahap aktiviti pengurusan kredit adalah semakin tinggi dengan berlakunya peningkatan dalam peratusan responden dari 36.0% pada tahap tinggi ke 45.3% pada tahap sederhana dan seterusnya menjadi 45.7% pada tahap rendah bagi pengurusan kredit. Hal ini bermakna lebih ramai responden cenderung menguruskan kredit dengan baik sekiranya mereka kurang

bertoleransi terhadap risiko. Golongan ini yang tidak suka mengambil risiko didapati lebih berhati-hati dalam pengurusan kewangan khususnya pengurusan kredit mereka. Tindakan ini diambil supaya risiko kewangan yang bakal berlaku adalah rendah dan kurang menjejaskan kedudukan kewangan mereka. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian oleh Hogarth dan Anguelov (2004).

**Jadual 5: Taburan Silang Toleransi Risiko Kewangan dan Pengurusan Kewangan**

| Dimensi Aktiviti Pengurusan Kewangan | | Tahap Toleransi Risiko Kewangan | | |
|---|---|---|---|---|
| | | Rendah (%) | Sederhana (%) | Tinggi (%) |
| Aliran Tunai | Rendah | 28.0 | 52.0 | 20.0 |
| | Sederhana | 22.7 | 55.1 | 22.2 |
| | Tinggi | 28.1 | 43.2 | 28.6 |
| Kredit | Rendah | 36.0 | 40.0 | 24.0 |
| | Sederhana | 45.3 | 43.6 | 11.1 |
| | Tinggi | 45.7 | 46.2 | 8.0 |
| Simpanan | Rendah | 36.0 | 44.0 | 20.0 |
| | Sederhana | 34.2 | 52.0 | 13.8 |
| | Tinggi | 43.2 | 43.2 | 13.6 |
| Pelaburan | Rendah | 4.0 | 24.0 | 72.0 |
| | Sederhana | 1.8 | 29.3 | 68.9 |
| | Tinggi | 3.0 | 21.6 | 75.4 |

Bagi aktiviti simpanan, trend yang hampir serupa diperoleh iaitu toleransi risiko kewangan responden juga berkadar songsang dengan aktiviti simpanan. Apabila toleransi risiko kewangan berada pada tahap tinggi maka aktiviti simpanan yang dijalankan semakin rendah yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam peratusan responden dari 13.6% pada tahap tinggi ke 13.8% pada tahap sederhana dan seterusnya menjadi 20.0% pada tahap rendah bagi simpanan. Keadaan ini menunjukkan bahawa lebih ramai responden cenderung tidak membuat simpanan sekiranya mereka sangat bertoleransi terhadap risiko. Golongan ini suka mengambil risiko, dengan itu mereka kurang membuat persediaan kewangan bagi menghadapinya. Hasil kajian ini didapati berbeza dengan hasil kajian oleh Hogarth dan Anguelov (2004), dan Jacobs-Lawson dan Hershey (2005). Namun, ini mungkin disebabkan kajian-kajian berkenaan merujuk tabungan jangka panjang manakala kajian ini menggabungkan simpanan jangka pendek dan jangka panjang.

Toleransi risiko kewangan didapati tidak menunjukkan hubung kait yang jelas dengan pengurusan aliran tunai dan pelaburan. Hal ini bermakna sama ada seseorang itu bertoleransi tinggi terhadap risiko atau tidak, ia tidak mempengaruhi aktiviti individu dalam aliran tunai seperti simpanan rekod atau rancangan perbelanjaan, dan begitu juga dengan aktiviti pelaburan secara umumnya.

## Toleransi risiko kewangan dan aktiviti pelaburan saham berisiko tinggi

Walaupun hasil kajian sebelum ini menunjukkan tiada hubung kait yang jelas antara toleransi risiko kewangan dengan pelaburan, namun analisis dilanjutkan untuk menentukan perkaitan antara toleransi risiko kewangan dengan pelaburan dalam saham yang berisiko tinggi seperti yang terdapat dalam Jadual 6. Hal ini kerana hasil kajian lepas menunjukkan perkaitan signifikan yang positif antara toleransi risiko dengan penglibatan dalam saham berisiko tinggi contohnya stok (Cardak dan Wilkins, 2008; Hariharan *et al*., 2000; Hanna dan Chen, 1997).

Dapatan kajian ini memperoleh suatu trend yang jelas, iaitu individu yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi cenderung melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan yang berisiko tinggi. Semakin tinggi penerimaan risiko oleh individu maka semakin cenderung individu berkenaan terlibat dalam saham berisiko tinggi. Hal ini menunjukkan individu tempatan juga menunjukkan tingkah laku pelaburan yang serupa dengan responden dalam kajian-kajian di luar negara, iaitu toleransinya terhadap risiko mempengaruhi pelaburan berisiko tinggi mereka.

**Jadual 6: Taburan Silang Toleransi Risiko Kewangan dan Pelaburan Saham Berisiko Tinggi**

| Tahap Toleransi Risiko Kewangan | Pelaburan Saham Berisiko Tinggi | |
|---|---|---|
| | Tidak (%) | Ya (%) |
| Rendah | 28.0 | 72.0 |
| Sederhana | 25.8 | 74.2 |
| Tinggi | 15.6 | 84.4 |

## Kesimpulan dan implikasi kajian

Kajian ini mengenal pasti toleransi risiko kewangan dan pengurusan kewangan dalam kalangan kakitangan awam, iaitu tahap risiko kewangan yang sanggup diterima oleh individu dan aktiviti-aktiviti kewangan yang

dilakukan. Daripada hasil perbincangan, maka dapat disimpulkan bahawa sememangnya terdapat perkaitan antara toleransi risiko kewangan dengan aktiviti-aktiviti pengurusan kewangan yang melibatkan aktiviti kredit dan simpanan pengguna. Pengguna yang sanggup menerima risiko kewangan ini didapati kurang menguruskan kredit mereka dengan baik dan kurang membuat simpanan. Selain itu, pada keseluruhannya pengguna juga dilihat mempunyai tahap toleransi risiko yang rendah dan amat berhati-hati dalam membuat keputusan yang melibatkan aktiviti pelaburan yang berisiko tinggi.

Dapatan ini menjelaskan bahawa pengguna mengambil berat tentang risiko-risiko kewangan yang bakal mereka hadapi. Mereka hanya melabur dalam saham yang berisiko tinggi dalam keadaan yang bersedia dari segi mental untuk menerima risiko kerugian pelaburan. Namun demikian, bagi mengambil peluang melabur dalam saham berisiko tinggi untuk memperolehi manafaat pulangan yang tinggi, sewajarnya pihak tertentu boleh mengenal pasti golongan yang mempunyai toleransi risiko kewangan yang tinggi supaya mereka ini dapat melibatkan diri dalam saham berisiko tinggi berkenaan.

Selain itu, ciri-ciri latar belakang seperti tahap pendidikan dan pendapatan pengguna perlu juga dikaji untuk melihat pengaruhnya terhadap toleransi risiko dan seterusnya kesannya terhadap aktiviti pengurusan kewangan mereka. Oleh itu, diharap kajian akan datang dapat mengkaji ciri-ciri tersebut bagi mengenal pasti sama ada ia penting dalam membentuk tahap tertentu bagi toleransi risiko pengguna yang akan mengaruh aktiviti pengurusan kewangan yang tertentu.

## Rujukan


Bank Negara Malaysia. (2010a). *Kebankrapan Individu di Malaysia.* Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bank Negara Malaysia. (2010b). *Buletin Statistik Bulan November.* Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Cardak, B. A. & Wilkins, R. (2008). The determinants of household risky asset holdings: Australian evidence on background risk and other factors. Dimuat turun daripada http://scholar.google.com/scholar?q=Cardak%2C+B.A.+%26+Wilkins%2C+R&hl=en&btnG=Search&as_sdt=1%2C5&as_sdtp=on pada 15 April 2011.

Cordell, D. M. (2001). RiskPACK: How to evaluate risk tolerance. *Journal of Financial Planning. 14*(6), 36-41.

Campbell, J. Y. (2006). Household finance. *Journal of Finance. 61*, 1553-1604.

DeVaney, S. A. (1994). The usefulness of financial ratios as predictors of household insolvency: two perspectives. *Financial Counseling and Planning. 5*, 5-26.

Goldsmith, E. (2009). *Resource Management for Individuals and Family*. United States: Wadsworth.

Grable, J. E. (2000). Financial risk tolerance and additional factors that affect risk taking in everyday money matters. *Journal of Business and Psychology. 14*, 625-630.

Grable, J. E. & Joo, S. (1999). Factors related to risk tolerance: a further examination. *Consumer Interests Annual*. *45*, 1-8.

Gron, A. & Winston, A. (2001). Risk overhang and market behavior. *The Journal of Business*. *74*, 591-612.

Hallman, G. V. & Rosenbloom J. S. (1993). *Personal Financial Planning.* USA: McGrawHill Inc.

Hanna, S. & Chen, P. (1997). Subjective and objective risk tolerance: implications for optimal portfolios. *Financial Counseling and Planning. 8* (2), 17-26.

Hariharan, G., Chapman, K. S., & Domian, D. L. (2000). Risk tolerance and asset allocation for investors nearing retirement. *Financial Services Review. 9,* 159-170.

Hogarth, J. M. & Anguelov, C. E. (2004). Are families who use e-banking better financial managers? *National Endowment for Financial Education. 19*, 1-34.

Jacobs-Lawson, J. M. & Hershey, D. A. (2005). Influence of future time perspective, financial knowledge, & financial risk tolerance on retirement saving behaviors. *Financial Services Review. 14,* 331-344.

Jianakoplos, N. & Bernasek, A. (1998). Are women more risk averse? *Economic Inquiry. 36*, 620-630.

Joo, S. & Grable, J. E. (1999). Developing a model for the determinants of financial satisfaction: an exploratory study. *Consumer Interests Annual. 45*, 117-122.

Joo, S. & Grable, J. E. (2004). An exploratory framework of the determinants of financial satisfaction. *Journal of Family and Economic Issues. 25*(1), 25-50.

Mohamad Fazli, S. & Jariah, M. (2005). Kewangan pengguna: isu dan cabaran. Dalam Nurizan, Y., Mohd. Amim, O., and Sharifah Azizah, H. (Ed.), Pengguna Dalam Pembangunan (218-231). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Roszkowski, M. J. (1996). Risk tolerance in financial decisions. Dalam D. M. Cordell (ed.), Fundamentals of Financial Planning (3rd ed.) (143-201). Bryn Mawr, PA: The American College.

Snelbecker, G. E., Roszkowski, M. J., & Cutler, N. E. (1990). Investors' risk tolerance and return aspirations, and financial advisors' interpretations: A conceptual model and exploratory data. *The Journal of Behavioral Economics. 19*, 377-393.

Titus, P. M., Fanslow, A. M., & Hira, T. K. (1989). Net Worth & Financial Satisfaction as a Function of Household Money Manager's Competencies. *Home Economics Research Journal. 17*(4), 309-318.

Unit Perancang Ekonomi. (2010). *Rancangan Malaysia ke-10.* Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Yuh, Y. & DeVaney. S. A. (1996). Determinants of couples' defined contribution retirement funds. *Financial Counseling and Planning. 7*, 31-38.